



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1989
DR.16/1989


D.R. 16/89

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bahasa Kebangsaan
1963/67.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bahasa Kebangsaan (Pindaan) 1989.

**Tajuk
ringkas.**

2. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen 8 baru yang berikut :

**Pindaan
seksyen 8.
Akta 32.**

**“Bahasa
Mahkamah.**

8. Segala prosiding (selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan :

Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu,

memerintahkan supaya prosiding itu (selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris, atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris.”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

2. *Fasal 2* meminda seksyen 8 Akta bagi memperuntukkan sebagai suatu kaedah am, bahawa segala prosiding mahkamah hendaklah dalam bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, mahkamah boleh, demi kepentingan keadilan, memerintahkan supaya prosiding dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris, atau kesemuanya dalam bahasa Inggeris.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1553.]

Amendment to be moved in Committee by the Hon'ble
Minister in the Prime Minister's Department
and Minister of Justice

Clause

Amendment

2

Delete the words
' , or wholly in the
English language'.

EXPLANATORY STATEMENT

This amendment is a drafting amendment.

Jabatan Peguam Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.
[PN.(U2) 1553.]

D.R. 16/89

RANG UNDANG-UNDANG BAHASA KEBANGSAAN (PINDAAN) 1989

Pindaan yang akan dicadangkan dalam Jawatankuasa oleh
Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman

Fasal

Pindaan

2

Potong perkataan-perkataan
' , atau kesemuanya dalam
bahasa Inggeris".

HURAIAN

Pindaan ini adalah suatu pindaan gubalan.